

Dana pelancongan kurang sambutan

BH 3 MAR 2002

MIRI: Dana pelancongan berjumlah RM400 juta yang disediakan Kerajaan Pusat khusus bagi membantu pengusaha kecil sederhana pelancongan di negara ini, mendapat sambutan dingin, meskipun sudah lebih empat bulan diperkenalkan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, perkembangan itu mengecewakan pihaknya dan berharap satu langkah susulan segera diambil bagi mengubah keadaan itu.

Menurutnya, kemudahan pinjaman itu yang diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam belanjawan lalu, wajar diambil kesempatan sepenuhnya oleh pengusaha pelancongan untuk membiayai projek mereka.

"Namun, mengikut maklumat diterima, sambutan diterima sehingga

ini tidak menggalakkan," katanya ketika ditemui selepas melawat Ladang Buaya Miri di Kuala Baram, dekat sini, petang semalam.

Abdul Kadir yang tidak menyatakan jumlah dana yang sudah dipohon sehingga ini, mengaitkan kemungkinan faktor kurang maklumat serta salah faham menjadi punca ramai pengusaha terbabit gagal menggunakan kemudahan itu.

Menurutnya, ketika dana itu diumumkan Oktober lalu ramai yang beranggapan peruntukan RM400 juta iaitu tambahan RM200 juta berbanding tahun sebelumnya, adalah untuk kementerian bagi tujuan promosi.

"Perkara ini mendapat liputan meluas ketika diumumkan dulu, jadi kita tidak boleh beranggapan ia kurang hebahan. Mungkin kerana salah faham, ia tidak menarik minat mereka untuk memohon," katanya.